



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**JURISPRUDENS WATAN: SUATU PENGENALAN PRINSIP TADBIR URUS YANG BAIK
DILIHAT MELALUI PERKARA 181(1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**[WATANIC JURISPRUDENCE: AN INTRODUCTION TO THE PRINCIPLES OF GOOD
GOVERNANCE VIEWED FROM ARTICLE 181(1) OF THE FEDERAL CONSTITUTION
OF MALAYSIA]**

WAN AHMAD FAUZI WAN HUSAIN¹
AMER HUDHAIFAH HAMZAH²

¹ Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhr Persiaran Tun Khalil
Yaakob, 26300, Kuantan, Pahang, Malaysia
E-mail: wanfauzi@ump.edu.my

² Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur,
Federal Territory of Kuala Lumpur
Email: amerukun@um.edu.my

*Corresponding Author: wanfauzi@ump.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 278 December 2022

Abstrak

Tadbir urus yang baik mempunyai prinsip etika yang tertakluk pada doktrin suatu perlembagaan. Doktrin perlembagaan pula mempunyai hubungan yang kuat dengan prinsip kedaulatan undang-undang. Banyak pihak membahaskan tentang kedaulatan undang-undang, malangnya Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan sering diabaikan. Perkara 181(1) penting kerana dalam peruntukan itu menjelaskan prinsip kedaulatan Malaysia. Makalah ini mengemukakan prinsip tadbir urus yang baik berlandaskan doktrin undang-undang Malaysia. Metodologi jurisprudens watan digunakan untuk menentukan prinsip kedaulatan dan doktrin undang-undang Malaysia. Dapatan menunjukkan prinsip Tadbir urus yang baik berteraskan konsep khalifah, keadilan dan syura. Tiga buah konsep tersebut melahirkan prinsip integriti, akauntabiliti, amar maaruf, nahi munkar, teliti, muhasabah, ketelusan, persamaan dan kebebasan. Dari aspek perlaksanaannya pula, prinsip Tadbir urus yang baik dapat dikuatkuasakan melalui prinsip kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong. Kesimpulannya, implikasi kedaulatan watan tanah air memberi legitimasi kepada pemakaian prinsip Tadbir urus yang baik menurut Islam dalam kerangka undang-undang Perlembagaan Persekutuan. Tadbir urus yang baik berprinsipkan Islam bukan sahaja terpakai kepada Yang di-Pertuan Agong, malah kepada sesiapa sahaja yang melaksanakan kuasa eksekutif baginda.

Kata kunci: Tadbir urus baik, jurisprudens watan, prinsip kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong, Perkara 181(1)

Abstract

Good governance has ethical principles that are subject to the doctrine of a constitution. The constitutional doctrine, in turn, has a strong relationship with the principle of the rule of law. Many parties debate the rule of law, unfortunately, Article 181(1) of the Federal Constitution is often ignored. Article 181(1) is important because the provision explains the principle of Malaysia's sovereignty. This paper presents the principles of good governance based on Malaysia's legal doctrine. The Watanic jurisprudence methodology is used to determine the principles of sovereignty and the legal doctrine of Malaysia. The findings show good governance principles are based on the concept of the caliph, justice, and shura. These three concepts produce the principles of integrity, accountability, Amar ma'aruf, Nahi Munkar, prudence, self-reflection, transparency, equality, and freedom. In terms of implementation, good governance principles can be enforced through the principle of executive power of the Yang di-Pertuan Agong. In conclusion, the implications of the indigenous sovereignty of the homeland give legitimacy to adopting good governance principles in Islam within the framework of the Federal Constitution. The good governance of Islamic principles is not only applicable to the Yang di-Pertuan Agong but also to anyone executing his executive powers.

Keywords: *good governance, watanic jurisprudence, the principles of executive power of the Yang di-Pertuan Agong, Article 181(1).*

Cite as: Wan Ahmad Fauzi Wan Husain & Amer Hudhaifah Hamzah. 2022. Jurisprudens Watan: Suatu Pengenalan Prinsip Tadbir Urus yang Baik Dilihat Melalui Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan Malaysia [Watanic Jurisprudence: An Introduction To The Principles of Good Governance Viewed from Article 181(1) of *The Federal Constitution of Malaysia*]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 218-231.

PENGENALAN

Tadbir urus yang baik merupakan tajuk perbahasan yang amat popular. Kebanyakan perbahasan tentang tadbir urus yang baik hanya terhenti pada nilai, dan sejauh prinsip etika menurut perspektif semasa tanpa berlandaskan kepada doktrin negara, dalam konteks makalah ini, ialah Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Akibatnya, terdapat pihak yang cuba mengimport fahaman dan amalan songsang yang bercanggah dengan nilai dan budaya tempatan yang dilindungi oleh doktrin negara.

Perbahasan tentang etika tadbir urus yang baik menurut perspektif undang-undang negara masih mengabaikan Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan. Perkara 181(1) penting kerana peruntukan itu menyentuh prinsip kedaulatan undang-undang (*rule of law*) di Malaysia. Secara umumnya, kedaulatan ialah kuasa agung yang berada dalam wilayah kekuasaan yang tertentu.


Kedaulatan mengandungi konsep dan prinsip paling utama kerana ia menggariskan doktrin yang mendasari prinsip keluhuran perlembagaannya. Ukuran kedaulatan undang-undang dalam amalan perundangan dan pemerintahan sebuah kerajaan adalah terletak pada pematuhan pada prinsip kedaulatannya. Prinsip kedaulatan itu juga menegakkan doktrin yang terpelihara dalam perlembagaan (Wan Ahmad Fauzi, 2017, 2017a, 2017b, 2018, 2020, 2020a, 2021, 2021a, 2021b, 2022 & 2022a).

Justeru, makalah ini mengemukakan prinsip tadbir urus yang baik bersumberkan doktrin negara Malaysia. Makalah ini membataskan perbahasan dalam prinsip kuasa eksekutif Persekutuan kerana fungsi kuasa tersebut dilaksanakan oleh pelbagai pihak berkuasa dan memberi kesan kepada kemaslahatan rakyat di negara ini secara langsung. Tadbir urus yang baik memainkan peranan penting kerana amalan tersebut mengawal dan sekaligus mencerminkan bagaimana prinsip undang-undang dilaksanakan oleh pihak yang diberikan tanggungjawab dalam menjunjung doktrin negara.

METODOLOGI

Makalah ini mengambil metodologi jurisprudens watan untuk mentafsirkan prinsip kedaulatan Malaysia yang diperuntukkan oleh Perkara 181(1). Jurisprudens watan lebih bersifat tempatan kerana sistem perlembagaan negara berdaulat terlebih dahulu dianalisis untuk menentukan kerangka undang-undang yang betul, sama ada kontinum atau dikotomi, sebelum dilakukan analisis lanjut.

Wan Ahmad Fauzi (2017) mengemukakan jurisprudens watan yang menganalisis isu undang-undang dan pentafsiran berdasarkan teks perlembagaan itu sendiri, statut, dan prinsip undang-undang yang diterima dalam kerangka kedaulatannya. Dengan berbuat demikian, aspek kedaulatan, sejarah tempatan dan adat dianalisis untuk menentukan sistem perlembagaan suatu negara atau kerajaan yang mengandungi falsafah, doktrin dan prinsip yang betul. Adat itu merangkumi undang-undang, amalan, budaya, resam, takrifan istilah, dan mencerminkan kefahaman tempatan berhubung dengan falsafah dan linguistik. Falsafah dan linguistik yang terkandung dalam adat tempatan memberikan maklumat yang lebih sahih tentang suatu isu dalam perbahasan.



Kerangka Jurisprudens Watan
© Wan Ahmad Fauzi Wan Husain (2017)

Method yang menjadi asas kepada jurisprudens watan diabsahkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Gandhi A/P. Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* apabila Mahkamah Persekutuan menerima pakai kaedah pentafsiran perlembagaan oleh Mahkamah Agung Kanada seperti yang berikut:

The rules of constitutional interpretation require that constitutional documents be interpreted in a broad and purposive manner and placed in their proper linguistic, philosophic, and historical contexts..... Generally, a constitutional interpretation must be informed by the foundational principles of the Constitution, which include principles such as federalism, democracy, the protection of minorities, as well as constitutionalism, and the rule of lawThese rules and principles of interpretation have led this Court to conclude that the Constitution should be viewed as having an 'internal architecture' or 'basic constitutional structure' ... The notion of architecture expresses the principles that the individual elements of the Constitutional are linked to the others and must be interpreted by reference to the structure of the Constitution as a whole' ... In other words; the Constitution must be interpreted to discern the structure of Government that it seeks to implement.

Berlandaskan metod jurisprudens watan, kajian Wan Ahmad Fauzi (2017, 2017a, 2017b, 2018, 2020, 2020a, 2021, 2021a, 2021b, 2022 & 2022a) merumuskan bahawa mengikut Perkara 181(1), sistem perlembagaan Malaysia berteraskan kerangka kontinum. Kerangka kontinum bermaksud prinsip undang-undang dan sistem politik perlu mematuhi ajaran agama yang mengatasi doktrin penciptaan manusia. Prinsip kerangka kontinum adalah berdasarkan sumber al-Qur'an. Salah satu ayat Al-Quran yang menyokong kerangka perundangan tersebut adalah Ash-Shuraa ayat 13 yang berbunyi seperti berikut:

He has ordained for you of religion what He enjoined upon Noah and that which We have revealed to you, [O Muhammad], and what We enjoined upon Abraham and Moses and Jesus – to establish the religion and not be divided therein. Difficult for those who associate others with Allah is that to which you invite them. Allah chooses for Himself whom He wills and guides to Himself whoever turns back [to Him].

Prinsip kerangka undang-undang kontinum dijelaskan dengan baik oleh Ibn Kathir apabila beliau mentafsirkan ayat di atas. Menurut Ibn Kathir (2022): Agama rasul adalah satu. Allah berfirman kepada ummah ini (masyarakat Islam di seluruh dunia); Dia (Allah) telah menerangkan bagi kamu agama yang sama yang Dia perintahkan untuk Nuh, dan yang telah Kami turunkan kepadamu; Allah menyebutkan Rasul pertama yang diutuskan selepas Adam, iaitu Nuh, Selawat ke atas mereka, dan yang terakhir ialah Muhammad, dan yang Kami terangkan untuk Ibrahim, Musa dan Isa, Kemudian Dia menyebut orang-orang yang datang di antara mereka yang menjadi Rasul-Rasul kehendak yang kuat, iaitu Ibrahim, Musa dan Isa bin Maryam. Ayat ini menyebut kelima-limanya, sama seperti juga disebut dalam ayat dalam Surah Al-Ahzab, di mana Allah berfirman; Dan (ingatlah) apabila Kami mengambil daripada Nabi-nabi perjanjian mereka, dan daripada kamu, dan daripada Nuh, Ibrahim, Musa, dan Isa, anak Maryam. (33;7) Mesej yang dibawa oleh semua Rasul ialah menyembah Allah sahaja, tanpa pasangan atau sekutu, sebagaimana firman Allah; Dan Kami tidak mengutus manamana Rasul sebelummu, tetapi Kami dedahkan kepadanya (berkata); Tiada yang berhak disembah tetapi Aku, jadi sembah Aku. (21;25). Dan menurut sebuah Hadis (Nabi berkata),

Kami Nabi-nabi adalah bersaudara, dan agama kami adalah satu. Dalam erti kata lain, ikatan yang sama di antara mereka ialah Allah sahaja yang akan disembah, tanpa pasangan atau sekutu, walaupun hukum dan cara mereka mungkin berbeza, seperti firman Allah: Kepada setiap di antara kamu, Kami telah menetapkan undang-undang dan cara yang jelas. (5:48) Allah berfirman di sini, dengan mengatakan bahawa kamu hendaklah menegakkan agama dan tidak membuat perpecahan di dalamnya, yang bermaksud Allah menyamai semua Nabi (selawat dan rahmat Allah ke atas mereka semua) sebagai seorang, dan Dia melarang mereka untuk berbeza dan berpecah belah. Tidak boleh diterima oleh pemuja berhala apa yang kamu serukan. Bermaksud, 'terlalu banyak untuk mereka tanggung, dan mereka benci bahawa kamu menyeru mereka, wahai Muhammad, iaitu, Tawhid.' Allah memilih untuk diri-Nya sendiri yang dikehendaki-Nya dan memberi petunjuk kepada diri-Nya yang berpaling kepada-Nya dalam taubat. Ini bermakna bahawa Dia adalah satu-satunya yang menetapkan panduan bagi mereka yang layak dan mereka yang membuat keputusan yang salah kembali ke jalan yang betul.

Prinsip tadbir urus yang baik dalam makalah ini dianalisis bersumberkan ajaran Islam seperti yang dibincangkan dalam *Tafsir al-Maudhu'iy* (2015), *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam* (2005), *Islamic Political System in the Modern Age: Theory and Practices* (1983) dan *The Islamic State* (1983) untuk menjelaskan implikasi Perkara 181(1) terhadap sistem pemerintahan Malaysia.

SISTEM POLITIK ISLAM

Abdul Samat (2005: 22-23) seperti juga pandangan ulamak silam bersetuju menyatakan sistem politik Islam berkait rapat dengan konsep khalifah dan *ulil amri*. Kedaulatan seorang khalifah atau pemerintah Islam dijelaskan bersifat pengamanahan. Menurut Nooh Gadut (2005: 128), dewasa ini, *ulil-amri* ditakrifkan bukan hanya sultan atau raja, termasuklah juga para penguasa, ahli hukum, ulama', panglima perang, pemimpin dan *ahl al-halli wal 'aqdi*. Apabila *ulil amri* muafakat menentukan suatu peraturan, rakyat wajib untuk mentaatinya dengan syarat, mereka itu boleh dipercayai dan tidak menyalahi ketentuan Allah SWT dan Rasul-Nya.

Seorang pemerintah dan mereka yang melaksanakan kuasa pemerintahan perlu melaksanakan budi bicara mereka secara adil dan memberi manfaat kepada rakyat. Dasar dan pelaksanaannya itu pastinya perlu bersesuaian dengan prinsip politik Islam kerana pemerintah berposisi sebagai pemegang amanah (Mohammad Hashim Kamali: 2005: 18-20). Rasulullah SAW semasa pelantikan Mu'az bin Jabal sebagai Gabenor Yemen mengesahkan tatacara seorang pemerintah apabila ingin memutuskan sesuatu kes. Seseorang pemerintah itu hendaklah berlandaskan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sebagai rujukan utama, sekiranya tiada nas yang jelas maka hendaklah pemerintah itu berijtihad mengikut budi bicaranya berdasarkan prinsip hukum Islam (Abdul Monir: 2005: 326-327).

PRINSIP TADBIR URUS YANG BAIK

Menurut Abdul Samat (2005: 140) dan pandangan ulama' mutakhir, *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* hanya menetapkan dasar umum (*mabadi' ammah*) yang pokok dan asas tentang bentuk

kerajaan. Bentuk Kerajaan dan prinsip perlembagaan boleh diputuskan oleh orang Islam mengikut yang bersesuaian dengan masa (Abdul Rashid Moten: 2005: 55).

Walaupun bentuk atau terma sebuah negeri tidak disebut, tetapi *al-Qur'an* jelas menggariskan konsep dan dasar aturan politik. Manzooruddin Ahmed (1983: 27-43) mentakrifkan aturan politik itu adalah prinsip dan fungsi yang menunjukkan kewujudan aturan sosio-politik, dalam kes tertentu penggunaan kekuasaan berorganisasi untuk mencapai maksudnya. Prinsip politik Islam terdiri daripada triti atau perjanjian (*contract*), amanah (*trust*), ketaatan (*obedience*) dan pengadilan (*adjudication*). Abdul Rashid Moten (2005: 35-40) mengajukan bahawa prinsip asas sistem politik Islam bertunjang pada tauhid, syariah, keadilan, kebebasan (*al-hurriyyah*), kesamarataan (*al-musawat*) dan syura. Sumber utama syariah ialah *al-Qur'an* dan Sunnah. Sumber kedua syariah pula antaranya terdiri daripada qiyas, *ijma'* dan masalah mursalah. Daripada sumber perundangan tersebut, sistem pemerintahan dibina dan dikembangkan untuk mentadbir urusan dunia. Beliau menegaskan konsep keadilan itu mengemukakan prinsip kebebasan dan kesamarataan. Kebebasan untuk bertindak mengikut kepercayaan moral seseorang, untuk membuat pilihan ideologikal dan intelektual, serta mengambil keputusan atas dasar kepercayaan dan pilihan tersebut. Kebebasan itu juga dinikmati oleh orang bukan Islam, mereka boleh memelihara dan mengamalkan bahasa, agama dan kebudayaan mereka. Bagaimanapun, hak itu tidaklah mutlak. Tuntutan kebebasan mutlak ialah sikap tidak bertanggungjawab sebaliknya, menafikan sepenuhnya pula adalah satu kesilapan. Kebebasan memberikan andaian bahawa kesamarataan itu meliputi hak, kebebasan, peluang dan tanggungjawab awam tanpa batasan bangsa, bahasa dan keturunan. *Al-Qur'an* mengiktiraf bahawa tiada asas keutamaan seseorang atau bangsa ke atas yang lain melainkan kelurusan budi pekerti dan taqwa. Konsep syura pula hanya terlaksana dengan sempurna apabila adanya kebebasan dan kesamarataan.

Hasan al-Turabi (1983: 248-289) menekan pematuhan kepada syariah dan amalan '*ijma'*' dalam politik, juga keperluan untuk menyediakan sistem periksa-imbang untuk memelihara kebebasan dan keadilan. Menurut Mohammad Hashim Kamali (2005: 18-19), kriteria dan karekter asas sistem politik Islam menurut *al-Qur'an* berteraskan konsep amanah dan '*khilafah*' yang dihubungkan dengan tugas utama untuk mentadbir keadilan dan memastikan kebaikan (*maslahah*) rakyat. Melalui konsep amanah dan '*khilafah*' di atas, sebuah negara Islam itu berkarakter '*civilian*', bukanlah '*theocratic state*'. *Theocratic state* bermaksud pemerintah dikatakan memiliki kuasa ketuhanan dan menjadi penghubung antara Tuhan dengan rakyat. Tegasnya, pemerintah dipilih melalui '*bay'ah*' dan '*syura*', tertakluk pada kedaulatan undang-undang dan pertanggungjawaban kepada rakyat yang memilih mereka.

Mohammad Hashim Kamali, 2005: 19 menegaskan bahawa corak sebuah negara Islam itu menggagaskan empat ciri utama, iaitu:

1. Kerajaan sebagai satu amanah ('*trust*')
2. Kerajaan Terbatas ('*limited government*')
3. Sivil
4. Demokrasi Bersyarat ('*qualified democracy*').

Negara atau kerajaan itu adalah amanah, pemerintah dan seluruh anggota pentadbirannya pula berposisi sebagai pemegang amanah, maka atas dasar itu lahirlah prinsip akauntabiliti. Contoh sistem politik Islam paling awal dalam syariat Nabi Muhammad SAW bermodelkan *Sahifah Madinah*. Nabi Muhammad SAW berjaya mendirikan sebuah kerajaan berdaulat pada zaman baginda. Negara Madinah yang menjadi model sebuah Kerajaan Islam mencerminkan ketatanegaraan Islam sepertimana disyariatkan oleh Allah SWT dan panduan daripada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Apabila terbentuknya Kerajaan Islam Madinah maka terbentuklah satu ummah atau rakyat yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang budaya, fahaman dan keturunan. *Sahifah Madinah* terasas melalui perjanjian antara kaum muslimin Muhajirin dengan Ansar (Abdul Monir Yaacob, 2005: 526). Menurut al-Mubarakfuri (2013: 249-253) dan Abdul Rashid Moten (2005:40-41), intipati *Sahifah Madinah* adalah seperti berikut:

1. Nabi Muhammad SAW secara rasmi diangkat sebagai pemimpin tertinggi Kerajaan Madinah dan dipertanggungjawabkan untuk memelihara keamanan, pertahanan dan pemerintahan.
2. Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW adalah sumber rujukan tertinggi apabila berlaku sebarang krisis.
3. Ia menggariskan prinsip-prinsip kesamarataan, penolakan terhadap penindasan dan perlindungan sama di sisi undang-undang.
4. Persetujuan untuk meletakkan orang-orang beriman dan bertaqwa dalam barisan kepimpinan.
5. Pengiktiran ke atas amalan adat yang baik dalam masyarakat Quraish dan Ansar termasuklah adat penebusan darah dan tawanan perang.
6. Sebagai pemerintah tertinggi ketua agama, Nabi Muhammad SAW menggariskan dasar-dasar perhubungan sosial, menggubal undang-undang bersumberkan al-Qur'an dan menguatkuasakannya; membentuk pasukan ketenteraan dan menjadi panglima tertinggi; mentadbir jajahan-jajahan melalui syura dengan para sahabat baginda.
7. Pengiktirafan hak golongan dzimmi atau minoriti, iaitu kaum Yahudi yang bersetia dengan Kerajaan Madinah tanpa menafikan kebebasan beragama dan kebudayaan mereka.

Sahifah Madinah itu menggariskan dasar dan kesefahaman bersama antara orang Muhajirin dan Ansar, juga Yahadi Aus, iaitu warga Madinah. Kemudiannya dilanjutkan perjanjian antara orang Islam dengan orang Yahudi demi untuk mengukuhkan perpaduan dan menjamin keamanan dalam Kerajaan Madinah (al-Mubarakfuri, 2013: 257-258).

Sahifah Madinah mencatatkan tanggungjawab yang meliputi aspek kesetiaan kepada negara dan pemimpin, pertahanan keselamatan dan ketenteraman negara juga komitmen untuk meningkatkan kedudukan ekonomi. Tiada perbezaan dalam pelaksanaan undang-undang ke atas umat Islam dan golongan bukan Islam (Abdul Monir, 2005: 523). Undang-undang dilaksanakan dengan saksama kecuali dalam hal berkaitan tuntutan dan ajaran agama, bahkan boleh dilantik hakim dalam kalangan orang bukan Islam untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka (Abdul Rahman I. Doi, 2008: 52).

Pada hakikatnya, *Sahifah Madinah* ialah sebuah perjanjian yang mengesahkan *al-Qur'an* sebagai undang-undang tertinggi bagi Kerajaan Madinah sekaligus kuasa kedaulatan terletak secara mutlak pada Allah SWT. Fasal 42 *Sahifah Madinah* memperuntukkan:

.... tidak boleh berlaku sesuatu peristiwa dalam kalangan pihak perjanjian ini, atau terjadi perselisihan yang boleh membawa kerosakan. Jika yang demikian itu berlaku, maka jalan penyelesaiannya adalah Allah SWT dan Muhammad SAW. Allah ada bersama-sama dengan orang yang teguh dan setia pada perjanjian ini.

Konsep dan prinsip pemerintahan itu selanjutnya diterjemahkan melalui amalan sahabat dalam pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin. Ringkasnya, prinsip di atas merupakan garis panduan dalam penggubalan dasar politik negara, bentuk pelaksanaannya adalah mengikut keperluan manusia itu sendiri (Abdul Monir, 2005: 545. Allah SWT menjatuhkan hukuman sebagai 'orang zalim' kepada sesiapa sahaja yang tidak melaksanakan perundangan Islam (Arief Salleh et. al, 2015: 84-85). Dalam Surah al-Ma'idah (5: 45), Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan Allah, maka mereka itulah orang yang zalim."

Prinsip yang dibahaskan tersebut bertujuan untuk mengatur urusan manusia agar tidak lari daripada matlamat penciptaan mereka dan pematuhan pada ajaran Islam itu sendiri yang menekankan tadbir urus kehidupan yang baik lagi sempurna. *Tafsir Maudhu'iy* (2015: 137-177) mengemukakan enam sifat dalam amalan Tadbir urus baik berdasarkan ayat al-Qur'an, iaitu:

1. pertanggungjawaban (*accountability*),
2. ketelusan (*transparency*),
3. keadilan (*justice*),
4. integriti (*integrity*),
5. persamaan (*equality*) dan
6. kebebasan (*freedom*).

Berdasarkan pandangan di atas, Wan Ahmad Fauzi (2017, 2017a, 2017b, 2018, 2020, 2020a, 2021, 2021a, 2021b, 2022 & 2022a) merumuskan sistem politik Islam itu bertunjangkan tiga aspek utama; pegangan konsep khalifah, pemerintahan adil dan amalan syura. Ketiga-tiga aspek itulah membina doktrin tadbir urus yang baik dalam politik semasa yang merangkumi doktrin pengagihan cabang kuasa, iaitu perundangan, eksekutif dan kehakiman. Konsep khalifah sudah dijelaskan di atas manakala pemerintahan adil dan amalan syura diuraikan seperti berikut:

1. Pemerintahan yang adil adalah berpanduan kepada sumber *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nahl (16: 90) yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, berbuat kebajikan, dan memberi bantuan kepada kaum kerabat, serta melarang daripada melakukan perbuatan yang keji, mungkar dan kezaliman. Dia mengajar kamu (dengan suruhan dan larangan-Nya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhi-Nya."

Bagi menjadi seorang yang adil, seseorang itu perlulah mengamalkan sifat-sifat *mahmudah* dan meninggalkan sifat-sifat *mazmumah*. Dalam konteks politik pula,

Abdul Rashid Moten (2005: 37) menyatakan, *“a just political order manifests itself in having upright and capable public officials managing the public policy in a just way and distributing wealth and opportunities in an equitable manner.”* Selain itu, aspek yang diberi penekanan oleh Islam untuk mencapai keadilan adalah seperti berikut:

Suatu amanah hendaklah diserahkan kepada ahlinya, iaitu; pemerintah hendaklah memilih mereka yang benar-benar layak, mempunyai pengetahuan dalam bidang itu dan mampu melaksanakannya dengan baik dan ikhlas untuk membantunya dalam pemerintahan (Mohammad Hashim Kamali, 2005: 20; Arieff Salleh et. al, 2015: 139-140).

- a. Melalui amalan ini maka pastinya terhasillah sikap integriti. Integriti ialah sikap tanggungjawab yang terpupuk kerana mereka yang dipilih berdasarkan merit, mempunyai reputasi yang baik dan mampu memikul amanah dengan baik. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa' (4: 58) yang bermaksud: Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum dalam kalangan manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.
- b. Akauntabiliti ditakrifkan sebagai sifat kebertanggungjawaban seseorang individu atau organisasi yang diamanahkan untuk melaksanakan sesuatu tindakan, kegiatan atau membuat keputusan bagi masyarakat awam. Akauntabiliti menurut Arieff Salleh et. al. (2015: 137) dalam aspek kepimpinan pula bermaksud pengakuan dan andaian kebertanggungjawaban atas sesuatu tindakan, produk, keputusan dan dasar, termasuk juga kewajipan untuk melapor, menjelas dan boleh dipersoalkan. Firman Allah dalam Surah al-Ahzab (33: 66-68) yang bermaksud:

Pada masa muka mereka dibalik-balikkan dalam api neraka, mereka berkata (dengan sesalnya), “Alangkah baiknya kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada Rasulullah,” dan mereka berkata lagi, “Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua dan orang besar kami, lalu Mereka menyesatkan kami daripada jalan yang benar. Wahai Tuhan kami, berikanlah mereka azab sengsara dua kali ganda dan laknatkanlah mereka dengan laknat yang sebesar-besarnya!

- c. Pematuhan prinsip *amar ma`aruf* dan *nahi mungkar*, iaitu; seorang pemerintah perlu menggaris dan melaksanakan dasar untuk melahirkan rakyat dan mewujudkan suasana sentosa dalam negara. Dasar dan pelan tindakan hendaklah mempunyai objektif jelas; galakan kepada kebajikan dan pencegahan terhadap kerosakan. Implikasi setiap keputusan perlu diperhalusi agar natijahnya sentiasa selari dengan prinsip patuh syariah. Firman Allah SWT dalam Surah Ali 'Imran (3: 110) yang bermaksud: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik ummah yang dilahirkan

bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat perkara baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

- d. Sikap teliti (*prudence*), iaitu; seorang pemerintah hendaklah mengamalkan sikap berhati-hati, cermat, bijaksana dan berwawasan. Firman Allah SWT dalam Surah al-Mai'dah (5:42) yang bermaksud:

Mereka sangat suka mendengar berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya). Oleh itu, jika mereka datang kepadamu, maka hukumlah antara mereka (dengan apa yang diterangkan oleh Allah), atau berpalinglah dari mereka. Dan jika kamu berpaling dari mereka, maka mereka tidak akan dapat membahayakanmu sedikitpun. Dan jika kamu menghukum, maka hukumlah antara mereka dengan adil, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.

- e. *Muhasabah*, dalam konteks kepimpinan, disifatkan sebagai '*management audit*' iaitu; seorang pemerintah hendaklah sentiasa menghitung diri dan mengambil iktibar, menginsafi bahawa kekuasaan, pangkat, harta negeri dan masalah rakyat itu adalah amanah Ilahi, bukanlah hanya bersifat retorik. Semua tindak-tanduk, keputusan dan perlakuan sebagai seorang pemerintah perlu sentiasa disemak. Allah SWT berfirman dalam Surah Yunus (10: 14) yang bermaksud, "Kemudian kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) para khalifah di bumi menggantikan mereka yang telah dibinasakan itu, supaya Kami melihat apa pula corak dan bentuk kelakuan yang akan kamu lakukan."

2. Amalan syura. Syura merupakan satu amalan yang ditekankan oleh Islam dalam apa jua proses penggubalan undang-undang dan pembuatan sebarang polisi atau keputusan dasar. Firman Allah SWT dalam Surah al-Imran (3: 159) yang bermaksud:

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah ruah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), kamu telah bersikap lemah lembut kepada mereka (para sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah kamu bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila kamu telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakkal kepada-Nya.

Melalui amalan syura, ketelusan berlaku kerana justifikasi sesuatu undang-undang, dasar dan keputusan dibentang terlebih dahulu dan segala maklumat dikongsi secara sesama dengan semua ahli. Ahli-ahli majlis syura mempunyai kedudukan yang sama tinggi, masing-masing boleh menyumbang buah fikiran dan apabila berlaku proses undian, setiap seorang memiliki satu undi. Ahli majlis syura juga bebas untuk mengemukakan pandangan mengikut kefahaman, ilmu dan buah fikiran masing-masing. Ahli yang menganggotai majlis syura pastinya mewakili beberapa golongan masyarakat atau profesyen, itu pastinya menyediakan platform yang betul untuk menyampaikan pandangan mahupun kritikan.

Dalam amalan badan perundangan moden, menurut Hassan al-Turabi (2013: 53), ia ialah satu manifestasi konsep syura, ijtihad dan ijma'. Pemerhatian dalam amalan tersebut menunjukkan terhimpunnya prinsip ketelusan (*transparency*), persamaan (*equality*) dan kebebasan (*freedom*). Persamaan di sini menunjukkan satu pengiktirafan kedudukan sama taraf apabila mengemukakan pandangan masing-masing manakala kebebasan itu bermaksud, setiap ahli mempunyai kebebasan untuk bersuara.

Perundangan Islam secara khusus mengiktiraf kekuasaan syura dalam mencapai keputusan bersama dan mempertahankan prinsip-prinsip kebebasan, keadilan dan persamaan dalam kalangan umat Islam tanpa mengira bangsa dan keturunan (Abdul Rashid Moten, 2005: 52)

IMPLIKASI PRINSIP TADBIR URUS YANG BAIK

Implikasi konsep kedaulatan dalam sistem perlembagaan telah diterima secara universal bahawa kedaulatan itu mencorakkan sistem politik dan prinsip perundangan sesebuah negara. Dari sudut prinsip kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong, baginda adalah terikat dengan konsep dan prinsip kedaulatan yang dipasak dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan (Wan Ahmad Fauzi, 2018). Perkara 39 memperuntukkan:

Kuasa eksekutif Persekutuan hendaklah terletak hak pada Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan dan peruntukan Jadual Kedua, bolehlah dijalankan olehnya atau oleh Jemaah Menteri, atau oleh mana-mana Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri, tetapi Parlimen boleh melalui undang-undang, memberikan fungsi eksekutif kepada orang lain.

Kerangka undang-undang watan memposisikan Raja-raja Melayu sebagai khalifah yang terbina atas doktrin pengamanahan kedaulatan. Kedudukan itu diperjelaskan lagi melalui sumpah yang dilafazkan oleh Yang di-Pertuan Agong apabila baginda berikrar dalam Jadual 4, Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan untuk mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri. Sesuai dengan kuasa eksekutif Persekutuan yang terletak pada Yang di-Pertuan Agong, baginda hendaklah melaksanakan kewajipan baginda tertakluk pada konsep kedaulatan, sumpah jawatan dan melalui tacara dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Menurut Abdullah @ Alwi Haji Hasan (2005: 263-264), tujuan utama pihak eksekutif dalam sesebuah negara Islam adalah untuk menguatkuasa perintah Allah SWT yang disampaikan melalui *al-Qur'an* dan *al-Sunnah*. Badan Eksekutif mengikut perspektif Malaysia terdiri daripada Jemaah menteri, perkhidmatan awam, polis dan angkatan tentera.

Justeru, disebabkan kuasa politik itu lahir daripada kedaulatan Raja-raja Melayu, maka tidak hairanlah Yang di-Pertuan Agong, yang merupakan wakil Raja-raja Melayu dikehendaki melafazkan sumpah jawatan seperti Jadual 4 Perlembagaan Persekutuan. Implikasi yang sama juga terpakai ke atas setiap orang dan entiti yang melaksanakan fungsi pemerintahan. Dalam kata lain, sumpah jawatan itu mengikat Yang di-Pertuan Agong dan mereka yang melaksanakan kuasa eksekutif baginda untuk dengan sebenar-benarnya memelihara pada setiap masa agama Islam dan berdiri tetap atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri.

Mantan Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad (2016: 124-127) menyatakan prinsip perundangan Islam sewajarnya diserap masuk dalam undang-undang Persekutuan, terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam. Amalan sebegini sudah bermula di Malaysia apabila pembankan Islam dan takaful ditadbir oleh mahkamah sivil. Beliau menggesa pengharmonian undang-undang sivil dengan prinsip perundangan Islam kerana percaya 80% undang-undang sivil pada hari ini bukan *'un-Islamic'*. Pelaksanaan perundangan Islam bagi Abdul Hamid Mohamad perlu dibuat secara berhemat dan bijaksana untuk memastikan *'maqasid syariah'* tercapai. Matlamat utamanya adalah keadilan dan bukan setakat penguatkuasaan hukuman syariah semata-mata.

Gesaan yang sama pernah dibuat oleh Tun Salleh Abas, Tun Abdul Hamid Omar, Tan Sri Hashim Yeop Abdullah Sani, Allahyarham Tan Sri Harun Hashim dan Tun Ahmad Fairuz. Pada sisi lain, prinsip kuasa eksekutif bersumberkan ajaran Islam itu boleh dikuatkuasakan dalam kerangka yang sama selaras dengan konsep kedaulatan negara seperti termaktub dalam Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

Dari sudut bingkai yang lebih besar, prinsip kuasa eksekutif itu bukan sahaja mengikat semua pelaksana fungsi eksekutif Persekutuan, bahkan mereka yang bertanggungjawab dalam proses meluluskan undang-undang juga pentadbir keadilan negara. Ini adalah kerana kewajipan pemerintah dan corak pemerintahan itu adalah terbit daripada sumber dan ciri-ciri kedaulatan itu.

Dalam kes Che Omar (1988), Salleh Abas, Ketua Hakim Negara sendiri ketika mentafsirkan Islam menurut Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan mengakui kesan penghujahan peguambela Perayu akan memberi implikasi undang-undang yang besar jika Islam diberi tafsiran sebenar maksudnya. Menurut Salleh Abas sekiranya Islam itu diberi tafsiran sebagai satu konsep yang mencakupi semua aspek kehidupan termasuklah jurisprudens dan nilai moral, tidak terbatas hanya pada aspek ritual, maka keabsahan setiap undang-undang perlu diuji atas pematuhan pada ajaran Islam. Dalam aasan penghakiman beliau, ada dipetik Islam menurut pandangan al-Maudhudi bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah seperti yang berikut: Islam bukanlah hanya semata-mata koleksi dogmas dan ritual tetapi ia adalah cara hidup merangkumi semua bidang aktiviti manusia yang lengkap; sama ada persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman. Tatacara kehidupan dan piawaian moral kesemuanya berdasarkan panduan illahi melalui Nabi-Nabi-Nya, panduan terakhir adalah Al-Quran dan Rasul terakhir adalah Nabi Muhammad SAW yang memiliki kemuliaan kelakuan dan ucapan.

Jelasnya, prinsip kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong adalah premis yang melahirkan tanggungjawab kepada pihak-pihak berkaitan untuk mendaulatkan prinsip Islam. Prinsip Islam hendaklah diaplikasi ke atas semua undang-undang sivil, pentadbiran dan dasar-dasar semasa kerajaan. Pengabaian prinsip itu adalah satu pelanggaran kepada kedaulatan Raja-raja Melayu yang dijamin oleh Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan.

Pada hakikatnya, pemakaian syariah tidak hanya berposisi sebagai kerangka kerja, bahkan seperti dijelaskan dalam makalah ini, ia adalah kerangka undang-undang yang mesti didaulatkan selari dengan konsep kedaulatan negara.

KESIMPULAN

Prinsip tadbir urus yang baik menurut Islam berteraskan konsep khalifah, keadilan dan syura. Daripada tiga konsep tersebut, terbentuklah prinsip tadbir urus yang baik iaitu integriti, akauntabiliti, amar maaruf, nahi mungkar, teliti, muhasabah, ketelusan, persamaan dan kebebasan. Dari aspek perlaksanaannya pula, prinsip tadbir urus yang baik bersumberkan Islam dapat dikuatkuasakan melalui Perkara 39 Perlembagaan Persekutuan iaitu prinsip kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong.

Pemakaian Perkara 181(1) Perlembagaan Persekutuan mengukuhkan penguatkuasa Islam sebagai undang-undang watan seperti yang diwarisi sejak zaman berzaman juga selaras dengan peruntukan Perkara 3 yang memposisikan Islam sebagai agama bagi Persekutuan. Dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan itu, kedudukan Islam di bawah naungan Raja-raja Melayu adalah berbidang kuasa seperti dalam Senarai II Jadual 9; merangkumi aspek undang-undang peribadi, manakala Islam di bawah naungan Yang di-Pertuan Agong berbidang kuasa seperti dalam Senarai I Jadual 9 Perlembagaan Persekutuan; merangkumi aspek undang-undang awam. Sebagai tambahan, Senarai III Jadual 9 dimasukkan sebagai Senarai Bersama bagi Negeri dan Persekutuan.

Ringkasnya, Tadbir urus yang baik berprinsipkan Islam bukan sahaja terpakai kepada Yang di-Pertuan Agong, malah kepada sesiapa sahaja yang melaksanakan fungsi kuasa eksekutif baginda. Akhirnya, semua pihak yang melaksanakan kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong mempunyai kewajipan untuk mematuhi konsep kedaulatan watan negara di semua peringkat pelaksanaan sesuai dengan kedudukan Islam sebagai '*law of the land*' dan agama bagi Persekutuan juga Negeri (Hanya Perlembagaan Sarawak yang belum memperuntukkan Islam sebagai agama negeri). Syarat pelaksanaan pemerintahan atas prinsip keadilan pastinya menjamin kesejahteraan rakyat berbilang keturunan dan taraf hidup tanpa dibatasi pegangan agama masing-masing.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob. 2005. Kuasa perundangan dalam sebuah negara Islam: Kes Malaysia, dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdul Rahman I. 2008. *Non-Muslim Under Shariah*, Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Abdul Rashid Moten. 2005. Malaysia as an Islamic State: A political analysis? dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdullah @ Alwi Haji Hasan. 2005. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Abdul Hamid Mohamad. 2016. '*The Truth Shall Prevail*'. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Samat Musa, 2005. Hak dan tanggungjawab rakyat dan ulil-amri, mlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*, Kuala Lumpur: IKIM.
- Arief Salleh & Yahaya Jusuh. 2015. *Tafsir Maudhu'iy: Politik dan Urus Tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Omar bin Che Soh lawan Pendakwaraya [1988] 2 MLJ 55.

- Ibn Kathir. 2022. <https://qurano.com/en/42-ashshura/verse-13/> yang diakses Accessed 30 May..
- Indira Gandhi A/P. Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals [2018] MLJU 69.
- Manzooruddin Ahmed. 1983. *Islamic Political System in the Modern Age: Theory and Practices*, Karachi: Saad Publishing.
- Mohammad Hashim Kamali. 2005. Criteria and characteristics of an Islamic state, dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- al-Mubarakfuri, Shafiyurrahman. 2013. *Rahiq al-Makhtum: Sirah Nabawiyah*. Selangor: Pustaka Ibu Katsir Sdn.Bhd.
- Nooh Gadut. 2005. Ulil Amri: Takrif dan konsep, dlm. *Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Perlembagaan Persekutuan, Pejabat Peguam Negara.
- Supreme Court of Canada. 2014. *Re: Reference re Senate Reform*.
- Shellabear, W.G. t.th. *Sejarah Melayu*, Cet. Ke-25, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Turabi, Hassan. 1983. The Islamic State, Dlm. Esposito, J.L., *Voices of Resurgent Islam*, New York: Oxford University Press.
- Wan Ahmad Fauzi Hashim @ Wan Husain. 2017. Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut Sejarah Perundangan, Tesis PhD Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2017. Konsep Kedaulatan Raja-Raja Melayu Menurut Kerangka Peribumi. *KANUN* 29(2): 41-73.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Anisah Che Ngah & Mohamed Anwar Omar Din. 2017. Islam Agama Bagi Persekutuan Satu Kajian Sejarah Perundangan. *Akademika* 87(3): 179-195.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2018. Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, Governan dan Prinsip Perlembagaan Persekutuan. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2020. *Kenegaraan Malaysia: Sejarah, Kedaulatan dan Kebangsaan*, Perlis: Penerbit Universiti Malaysia Perlis.
- Wan Husain, W.A.F. 2020. Insights: The Conceptual Framework for Building the World Class Good Governance Ethics. *Journal of Governance and Integrity*, 4(1), 1–5.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. *Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, Prerogatif dan Amalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2021. Watanic Jurisprudence: Articulating the Legitimate Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution. *IIUM Law Journal* 29(1): 1-2.
- Wan Husain, W.A.F. 2021. Insight: The Interpretation of Islam Within the Legal Framework of the Indigenous Malaya. *Journal of Governance and Integrity*, 4(2): 64-72.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2022. *Kedaulatan Malaysia Governan Utama Negara*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd. dengan kerjasama Penerbit UMP.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. 2022. Watanic Jurisprudence: Governing Principles in Legislative Powers Under the Federal Constitution, *Journal of the Malaysian Parliament*, 2: 128-148.